PENYATAAN POLISI PENGURUSAN PENGARUH LUAR
DAN
SURAT SOKONGAN
KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD

Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) sentiasa berusaha memberi komitmen sepenuhnya untuk memastikan tahap integriti yang tinggi dalam tadbir urus dan telus dalam semua urusan rasmi.

Semua warga KPTMSB adalah **DILARANG** untuk:

a) membawa atau cuba membawa pengaruh luar atau mengemukakan apa-apa surat sokongan daripada mana-mana Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh bagi menyokong sesuatu permohonan atau mempengaruhi pertimbangan keputusan; dan

b) menggunakan pengaruh luar atau surat sokongan sebagai asas pertimbangan atau arahan daripada Pemimpin Kerajaan dan Individu Berpengaruh dalam membuat keputusan.

Justeru itu, KPTMSB komited untuk memastikan semua warganya mematuhi Polisi ini bagi membendung isu-isu pertimbangan dan kelulusan dalam urusan Syarikat seperti kelulusan yang tidak wajar, penilaian tidak adil atau keputusan yang memihak kepada pihak yang berpengaruh.

Setiap warga KPTMSB adalah bertanggungjawab untuk membaca, memahami dan melaksanakan Polisi ini. Pelanggaran terhadap polisi ini akan dikenakan tindakan tatatertib mengikut Kod Etika dan Tatakelakuan KPTMSB yang sedang berkuatkuasa.

Pernyataan Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan KPTMSB.

.....

(RADZUAN B N RAZALI)
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
KOLEJ POLY-TECH MARA SDN. BHD.